



Noor
Mohamad
Shakil
Hameed

Generasi hari ini perlu insaf dan sedar bahawa pengorbanan generasi terdahulu tiada tolak bandingannya

Umat Islam negara ini sekali lagi akan menyambut Aidiladha pada tahun ini dalam suasana tenang, aman, selamat, makmur dan bersatu padu berbanding pelbagai pergolakan yang menimpa saudara seagama kita di seantero dunia.

Peristiwa pengebom berani mati, perang saudara, kerusuhan dan kezaliman kumpulan militan Islam dikenali Daish serta pelbagai sekatan dan halangan dilalui penduduk beragama Islam, terutamanya di barat dilihat terus mewarnai kisah pahit maung kehidupan umat Islam secara keseluruhannya.

Sebaliknya, kita di Malaysia mampu senyum dan menikmati kehidupan tenteram berbanding persekitaran dan suasana kehidupan umat Islam di kebanyakan negara Islam, terutamanya di Timur Tengah yang begitu kacau-bilau dan tegang.

Kepimpinan negara yang bertunjangkan agama Islam sebagai agama rasmi persekutuan terus menjadi tiang seri kedaulatan seluruh rakyat negara ini. Hasilnya rakyat pelbagai kaum dan agama mampu berdiri gah di persada antarabangsa sebagai sebuah bangsa dan negara yang maju dan bersatu padu.

Kita juga berbangga apabila negara kita dijadikan contoh, rujukan dan model sebuah negara Islam dan majmuk yang mampu menyatupadukan penduduk berbilang agama dan bangsa.

Dalam hal ini, pergolakan politik, pergaduhan dan persengketaan antara etnik dan agama yang membawa kepada pertumpahan darah dan usaha pembersihan sesuatu etnik serta pembunuhan beramai-ramai umat Islam di beberapa negara luar seawajarnya menginsafkan kita betapa penting dan tinggi nilainya erti sebuah perpaduan, keamanan dan kestabilan.

Hakikatnya, apa yang kita ada pada hari ini tidaklah datang bergolek begitu saja. Bukan sedikit detik penyelesaan, kesusaahan dan pengorbanan yang terpaksa dilalui dan dilakukan oleh nenek moyang kita suatu ketika dulu demi membentuk dan mewujudkan sebuah negara

Satu-satunya cara dan kaedah terbaik untuk kita menangani isu dalaman seperti

FAKTA
Isu dalaman boleh ditangani melalui konsep pengorbanan dan tolak ansur dalam diri setiap rakyat Malaysia

kita bukanlah berhadapan dengan ancaman dan musuh dari luar seperti komunis dan penjajah yang ditentang oleh nenek moyang kita suatu ketika dulu, terutamanya dalam usaha menuntut kebebasan dan kemerdekaan, sebaliknya kita berhadapan dengan segelintir rakyat kita sendiri yang begitu mudah alpa dan lupa mengenai asas pembentukan negara ini.

Lantas tindak-tanduk mereka ini sering mengancam dan mencabar kedaulatan undang-undang serta jambatan perpaduan yang ada. Ancaman bersifat dalaman ini dilihat semakin hari semakin memuncak, merebak dan mula mencetuskan pelbagai polemik, konflik dan situasi tegang sesama rakyat kita.

Ancaman ini jika dibiar berleluasa dikhuatiri boleh menghancurkan segala apa yang kita bina, pertahankan dan nikmati sekian lama.

Satu-satunya cara dan kaedah terbaik untuk kita menangani isu dalaman seperti



Suburkan budaya berkurban demi negara

ini ialah menyubur dan membudayakan kembali konsep pengorbanan dan tolak ansur dalam diri setiap rakyat Malaysia.

Hanya dengan cara ini kita yakin setiap individu rakyat tanpa mengira umur, jantina, agama dan kaum akan merasakan diri mereka bertanggungjawab melakukan sedikit pengorbanan terutamanya mengorbankan ego masing-masing dengan bertolak ansur dalam beberapa perkara yang ditimbulkan demi menjaga dan memelihara keamanan negara dan keharmonian di antara kaum.

Untuk itu, adalah tidak cukup jika hanya orang Islam saja yang menghayati konsep pengorbanan melalui Hari Raya Korban ini, sebaliknya umat Islam negara ini wajib menghebahkan dan menjadi suri teladan kepada rakan daripada agama dan kaum

lain supaya turut sama menghayati dan membudayakan konsep pengorbanan mengikut konteks agama dan pegangan masing-masing dalam konteks dan semangat sebagai sebuah bangsa Malaysia.

Ia tidak mustahil berlaku kerana kita percaya semua agama menyeru kepada kebaikan dan kesederhanaan melalui budaya pengorbanan dan tolak ansur mengikut amalan dan cara masing-masing.

Generasi hari ini, misalnya perlu sentiasa insaf dan sedar bahawa pengorbanan generasi terdahulu tiada tolak bandingannya. Bukti, generasi pada hari ini sedang menikmati hasil yang ditanam dan dibaja oleh generasi terdahulu dalam bentuk perpaduan nasional yang utuh melalui perjanjian keramat kontrak sosial yang kemudiannya menjadi asas pembentukan Perlembagaan Negara.

Justeru, apa yang diharapkan, generasi hari ini insaf dan segera mengambil ikhtiar daripada peristiwa pengorbanan generasi terdahulu agar kita terus kekal aman dan makmur sepanjang masa.

Dalam hal ini, kita sama sekali tidak boleh lupa sejarah pembentukan negara ini.

Malangnya majoriti daripada kita hanya menelaah me-

njenai sejarah negara untuk lulus peperiksaan ketika berada di bangku sekolah semata-mata yang kemudiannya lupa begitu saja serta gagal menghayatinya, apakah lagi mengamalkannya.

Bersama-sama kita menyuburkan kembali budaya pengorbanan dalam diri masing-masing agar negara kita terus aman dan makmur sepanjang masa. Kemajmukan, keunikian dan kepelbagaiannya sedia ada bersama-sama dengan jambatan perpaduan yang dibina selama ini wajib terus dipertahankan.

Janganlah esok, umpama sudah kecurian baru hendak mengunci pintu dan tanyalah pada diri masing-masing apa yang sanggup kita korbankan untuk negara tercinta ini. Selamat Hari Raya Korban dan Selamat Hari Kebangsaan kepada seluruh bangsa Malaysia.

Penulis Timbalan Pendaftar,
Fakulti Kejuruteraan
Universiti Putra Malaysia
(UPM)